

75 - WOU 79.

'Bapa Pelabur' untuk Dr. M

KUALA LUMPUR, Sabtu - Buat kali keduanya hari ini Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendapat gelaran tokoh negara dalam bidang perusahaan.

Dalam majlis pelancaran buku "Malaysia Showcase 1979" di Hotel Federal malam ini, penerbit buku tersebut, Biro Ekonomi UMNO Bahagian Setapak menganugerahkan beliau dengan gelaran "Bapak Pelabur Negara".

Dalam satu majlis yang lain di Universiti Malaya sempena perasmian Konvensyen Usahawan Bumiputra pagi tadi, Dr. Mahathir telah menerima gelaran "Bapak Usahawan Bumiputra".

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia